

Headline **Makanan kafe IPT mahal**
Date **20. Sep 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Nasional**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **11**
Article Size **192** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **3397.33**



Makanan kafe IPT mahal

Pinjaman tak cukup tampung kos hidup makin meningkat

Oleh Umi Nadirah Abdul Rahman
dan Che Wan Badrul Alias
bhnews@bharian.com.my

KENAIKAN harga petrol dan diesel yang memberi kesan pada harga barang keperluan turut meningkatkan harga makanan dan minuman di kafeteria institut pengajian tinggi (IPT) di bandar utama negara ini.

Walaupun tidak menunjukkan peningkatan ketara, harga baru makanan di institusi terbabit jelas membebankan pelajar sehingga mereka menyuarakan rasa tidak berpuas hati.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati harga makanan di kafe beberapa IPT awam (IPTA) jauh berbeza berbanding harga di luar kampus.

Keadaan ini membebankan pelajar kerana terpaksa bergantung kepada pinjaman untuk membayar yuran pengajian dan asrama.

Secara purata harga makanan di kafeteria IPTA lebih antara 20 sen hingga 50 sen berbanding restoran

luar. Di Universiti Putra Malaysia (UPM) peniaga tidak mematuhi harga ditetapkan pihak pengurusan terutama nasi campur yang bergantung kepada kuantiti dan jenis lauk.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), peniaga di kafeteria masih menjual makanan pada harga berpatutan walaupun terdapat segelintir peniaga sengaja meletakkan harga tinggi pada lauk popular seperti ayam dan ikan keli.

Di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), peniaga tidak menjual harga mahal walaupun beberapa peniaga mengadu harga bahan mentah mahal dan sukar diperoleh.

“Harga makanan masih mahal di sesetengah universiti kerana dipercayai wujud syarikat monopoli tender menyebabkan pentadbiran tidak dapat tentukan harga”

Mohd Yusof Abdul Rahman
Pengarah Komunikasi Fomca

Kebanyakan penuntut di UIA tidak menghadapi sebarang masalah kerana kafeteria masih menyediakan makanan yang murah.

Tinjauan mendapati beberapa IPT swasta (IPTS) menawarkan harga makanan lebih murah berbanding restoran luar. Makanan tengah hari dengan kombinasi nasi, ayam dan sayur di Kolej Universiti Sunway dan Kolej Inti, umpamanya berharga RM3.30 berbanding di kedai mamak di Subang Jaya dengan harga RM5.40.

Namun, harga minuman di kampus mereka hampir sama dengan di luar (perbezaan harga 50 sen daripada RM1.20 hingga RM1.70).

Dalam perkembangan berkaitan, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menggesa kontrak pinjaman dan biasiswa penuntut IPT dikaji kerana mendakwa ia tidak sesuai dengan peningkatan kos sara hidup di universiti.

Pengarah Komunikasinya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata melalui tinjauan dan aduan yang diterima, kebanyakan penuntut mengalami peningkatan kos sara hidup sehingga 20 peratus.